

Khunsa dan Mukhannath Menurut Perspektif Hadith dan Pengaruhnya di Media Sosial

Hermaphrodite and Effeminate from Hadith Perspective and its Influence in Social Media

Siti Azwanie Che Omar¹, Phayilah Yama Zakaria², Nur Hajar Dehis³

¹Universiti Teknologi Mara Malaysia, Malaysia;

^{2,3}Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia;

Article progress

Accepted: 5 April 2020

Reviewed: 2 Julai 2021

Published: 30 November 2021

*Corresponding author:

Siti Azwanie Che Omar,
Universiti Teknologi
MARA Cawangan Selangor
Kampus Puncak Alam,
Selangor, Malaysia;
Email:
siti.azwanie@yahoo.com

Abstrak: Khunsa dan mukhannath adalah dua maksud yang berbeza dari segi definisi mahupun pengkelasan jantina. Ditambah pula dengan kemajuan teknologi yang semakin canggih kini, golongan mukhannath semakin berani untuk ke hadapan bagi menyuarakan hak dan suara mereka terutamanya di media sosial. Tujuannya, bagi meraih simpati ramai pihak untuk kesamarataan sebagai rakyat Malaysia. Namun begitu, matlamat atau naluri tidak menghalalkan cara bagi membolehkan undang-undang untuk terus menerus menepati janji yang ingin mereka kecapai. Kajian ini berbentuk kualitatif yang mengumpul maklumat melalui metode keperustakaan dan dokumentasi. Setelah dianalisis secara kritis, hasil kajian menunjukkan perbezaan yang jelas antara golongan khunsa dan mukhannath, hal ini kerana khunsa merupakan tanda kebesaran Allah yang tidak ternilai dan boleh diselesaikan dengan cara ubatan daripada doktor-doktor pakar dan juga persetujuan daripada persepakatan para ulama. Hal ini berbeza dengan golongan mukhannath yang jelas hukumnya haram kerana mengubah ciptaan Allah semata-mata kerana nafsu. Pada masa yang sama, penulis juga mengemukakan cadangan kajian mengenai kesan perkembangan golongan mukhannath yang terdapat di Malaysia. Konklusinya, semua pihak perlu memainkan peranan penting terutamanya ibu bapa bagi memastikan keadaan anak-anak terkawal bermula daripada tumbesaran mereka lagi.

Keywords: khunsa, mukhannath, Islam, Media Sosial

Abstrak: *Khunsa and mukhannath are two different meanings in terms of definition as well as gender classification. Coupled with the advancement of technology that is increasingly sophisticated now, the mukhannath are increasingly bold to come forward to voice their rights and voices, especially on social media. The purpose is to gain the sympathy of many parties for equality as Malaysians. However, goals or instincts do not legitimize the means by which the law can continue to keep the promises they want to make. This study is qualitative in nature that collects information through library and documentation methods. After being critically analyzed, the results show a clear difference between khunsa and mukhannath, this is because khunsa is a sign of God's greatness that is invaluable and can be resolved by means of medicine from specialist doctors and also the consent of the scholars. This is in contrast to the mukhannath who are clearly unlawful for changing the creation of Allah solely because of lust. At the same time, the author also submits a research proposal on the impact of the development of the mukhannath group in Malaysia. In conclusion, all parties need to play an important role, especially parents to ensure that the condition of children is under control from the time they grow up.*

Kata kunci: *hermaphrodite, effeminate, Islam, social media*

Pengenalan

Kemajuan teknologi yang semakin canggih masa kini, membolehkan masyarakat berhubung tanpa sempadan. Umpama maklumat di hujung jari, masyarakat boleh mengakses pelbagai info dengan hanya satu “klik”. Antaranya dengan menggunakan aplikasi *facebook*, *twitter*, *instagram* dan *whatsapp*. Namun begitu, aplikasi ini sering disalahgunakan oleh individu yang tidak bertanggungjawab untuk menyebarkan maklumat palsu dan info yang tidak benar. Jika ditinjau, masalah moral masyarakat pada hari ini semakin membimbangkan apabila golongan lelaki lembut ini berani tampil dengan identiti tersendiri di khalayak ramai. Apabila dikecam atau dinasihati, ada di antara mereka yang sangat mudah untuk melabelkan diri mereka sebagai khunsa. Golongan ini seolah-olah tidak takut untuk mempersendakan agama Allah s.w.t. (Marziana. Mimi Sofiah, 2014).

Isu yang melibatkan gender ini menjadi semakin popular apabila mereka muncul di laman sosial *youtube*, *facebook* dan *instagram* untuk mempromosi produk kecantikan mereka. Golongan-golongan lelaki lembut sering mengambil kesempatan dalam isu khunsa ini supaya pertukaran jantina mereka ini dapat diterima ramai untuk melariskan barangan jualan mereka di media sosial. Sedangkan khunsa adalah merupakan ciptaan Allah secara semula jadi. Buktinya, dalam al-Quran jelas menunjukkan kejadian manusia hanya terbahagi kepada dua jenis iaitu golongan lelaki dan golongan wanita (Wan Azmi, 1991). Hal ini jelas firman Allah s.w.t dalam surah al-Nisa’ ayat 1 yang bermaksud:

Hai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhanmu yang telah menjadikan kamu daripada seorang diri (Adam), dan daripadanya dijadikan isterinya (Hawa), dan yang membiakkan daripada keduanya lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertawakallah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan nama-Nya, serta peliharalah hubungan kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati kamu.

Oleh itu, dalam tafsir al-Qurtubi, beliau menjelaskan ayat ini merupakan hujah yang kuat menunjukkan manusia normal hanya mempunyai dua golongan iaitu lelaki dan wanita. Manakala, golongan yang mempunyai dua jantina adalah disifatkan sebagai golongan cacat atau bermasalah yang memerlukan bantuan perubatan. (Izhar Arif. Mardina, 2006).

Metodologi

Kajian ini bertujuan untuk melihat perbandingan antara golongan khunsa dan mukhannath dalam perspektif al-Quran mahupun al-Hadith dan seterusnya melihat pengaruh mereka di media sosial. Reka bentuk kajian ini ialah kualitatif. Penulis telah menggunakan dua kaedah dalam pengumpulan data iaitu penyelidikan perpustakaan, penyelidikan dokumentasi dan penyelidikan historis bagi mendapatkan maklumat kejadian khunsa dan mukhannath serta perkembangannya sehingga menjadi suatu isu yang perlu dibincangkan. Setelah data dikumpul penulis menganalisis data dengan menggunakan metode induktif dimana penulis akan membuat kesimpulan yang menyeluruh terhadap kajian ini secara umum. Analisis yang kedua pula, metode deduktif. Proses ini akan memperlihatkan kepada penulis terhadap analisis data melalui pola berfikir berasaskan dalil-dalil yang umum kepada hal-hal yang khusus serta mengambil teori atau gagasan pemikiran yang sedia ada dalam mengenalpasti fenomena sebenar yang berlaku. (Ghazali Darussalam, 2016).

Pengertian Khunsa dan Mukhannath Dalam Perspektif Islam

Dalam bahasa Inggeris khunsa disebut sebagai “Disorders of Sex Development”. Maksud yang lain, khunsa didefinisikan sebagai orang yang mempunyai dua alat kelamin lelaki dan perempuan, atau orang yang tiada langsung yang mempunyai kedua-duanya, dan hanya mempunyai lubang untuk membuang air kencing. Golongan ini Allah ciptakan sebagai bukti tanda kebesaran Allah (Hafifi. Farok, 2018). Dari segi fiqh Islam, golongan khunsa terbahagi kepada dua iaitu khunsa musykil iaitu khunsa yang diragui dan khunsa ghair musykil atau khunsa yang tidak diragui. Khunsa musykil adalah khunsa yang tidak langsung dapat dipastikan jantainya kerana mereka dilahirkan tanpa sebarang alat kelamin dan hanya mempunyai alat untuk membuang air kecil. Khunsa ghair musykil pula, dapat dipastikan keterampilan mereka sama ada menjerus kepada perempuan atau lelaki melalui tanda-tanda fizikal atau dipastikan jantina secara klinikal. Golongan khunsa ada disebut di dalam surah Yusuf ayat 105 dan 106, Allah berfirman yang bermaksud:

Dan berapa banyak tanda-tanda kekuasaan Allah di langit dan di bumi yang mereka menyaksikannya berulang-ulang semasa mereka pergi dan datang, sedang mereka tidak juga menghiraukan dan memikirkannya. Dan (orang-orang yang beriman

kepada Allah), kebanyakan mereka tidak beriman kepada Allah melainkan mereka mempersekutukannya juga dengan yang lain". (Surah Yusuf (12): 105&106)

Oleh hal yang demikian, masyarakat sepatutnya tidak menunding jari atau memberikan tanggapan buruk terhadap golongan khunsa ini sebagai golongan pondan atau Mak nyah. Hal ini kerana, menurut hukum Islam mereka berhak keatas sebahagian harta dalam faraid iaitu pembahagian harta dalam Islam. Sesungguhnya setiap kejadian Allah s.w.t ke atas manusia itu mempunyai keistimewaan yang tersendiri. (Zulkifli, 2010).

Berbeza dengan mukhannath. Mukhannath itu berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud seorang lelaki tulen yang nalurinya kearah perempuan. Dalam erti kata yang lain, disebut sebagai transgander iaitu perbuatan menyerupai wanita sama ada dari segi tingkah laku, perbualan, berbusana termasuklah dalam aktiviti seksual. Di Malaysia, golongan mukhannath disebut sebagai pondan, Mak nyah atau lelaki yang menyerupai wanita. Asal Mak nyah itu sendiri merupakan istilah bahasa Melayu yang berasal daripada perkataan "Mak" (singkatan bagi emak) yang diciptakan oleh golongan transgender Malaysia untuk menggelarkan wanita transgender (Javad Tizmaghz, 2014). Statistik daripada laporan negara menunjukkan 80 peratus daripada bilangan Mak nyah di Malaysia beragama Islam dan berketurunan Melayu terbabit dalam industri seks (BH Online, 2018). Ternyata di media sosial juga, golongan mukhannath ini sering mendapat sokongan daripada sebilangan *netizen* yang masih cetek ilmunya dalam bidang keagamaan. Tambahan pula, golongan mukhannath sering mendapat sambutan terutamanya dalam bidang perniagaan yang diusahakan.

Khunsa dan Mukhannath di Malaysia

Menurut kajian, statistik khunsa di Malaysia adalah satu perkara yang sukar dijumpai. Melalui Berita Harian Online menjelaskan Malaysia belum memiliki statistik atau pengkalan data lengkap mengenai khunsa, hal ini disebabkan kesedaran masyarakat mengenai perkembangan maklumat mengenai punca, rawatan dan kesan kehidupan golongan ini. Apabila hal ini berlaku, golongan ini atau ahli keluarga mereka tidak mendapat bantuan, nasihat dan rujukan pakar. Lebih-lebih lagi, jika sebahagian mereka mengambil jalan yang salah dengan menyertai pertubuhan tertentu yang berkiblatkan barat yang paling dasyat ianya akan menjadi bertentangan dengan ajaran Islam.

Selain itu, terdapat diantara mereka yang malu

untuk bertanyakan permasalahan berkaitan khunsa ini. Mereka lebih cenderung untuk membuat keputusan sendiri dan berdiam diri. Kebiasaanya hanya keluarga mereka yang terdekat sahaja dapat mengetahui masalah-masalah yang mereka hadapi (Wan Noor Hayati Wan Alias, 2015). Sebagai contoh, di Malaysia masalah berkaitan khunsa ini dapat diketahui dengan penemuan kes saudara Hafizal bin Hussain iaitu seorang khunsa di Malaysia. Beliau merupakan seorang khunsa yang sangat cantik. Beliau berumur 30 tahun dan dilahirkan di Perak. Pada tahun 2015, salinan kad pengenalan dan foto Hafizal Bin Hussain telah tersebar luas dalam laman sosial. Di dalam kad pengenalan Hafizal, tentera jantina khunsa (mempunyai alat kelamin perempuan dan lelaki). Berdasarkan kes diatas, kebiasaanya, DSD atau khunsa ini berlaku sejak dilahirkan lagi dimana kromosom dan perkembangan organ seks adalah abnormal. Statistik kejadian kes yang berlaku pada seseorang DSD dalam setiap kelahiran adalah sebanyak 4500 sehingga 5000 kelahiran. Terdapat tiga faktor utama berlakunya DSD ini iaitu 1. kromosom, 2. anatomi (kecatatan luaran dan organ dalaman), 3. Gonad (kelenjar reproduksi iaitu ovari dan testis) dan hormon (Hughes, 2006). Berasaskan kajian penyelidikan-penyelidikan lepas DSD dalam perubatan dan perspektif Islam hanya tertumpu kepada cara megenalpasti identiti individu seseorang iaitu 1. Pertukaran jantina daripada perempuan kepada lelaki. 2. Pertukaran jantina daripada lelaki kepada perempuan. 3. Tiada pertukaran jantina pula terbahagi kepada dua iaitu pesakit dilahirkan dengan kemaluan yang tidak normal dan pesakit dilahirkan dengan kemaluan yang normal. Oleh itu, secara jelasnya penentuan jantina khunsa khususnya orang Islam hendaklah diteliti melalui gabungan multidisiplinari pihak yang pakar iaitu pihak perubatan dan juga pakar syariah.

Berbeza dengan golongan Mak nyah, golongan Mak nyah atau masalah golongan lelaki yang ingin menjadi perempuan ini sudah menjadi *trend* dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Umumnya masyarakat Melayu Islam di Malaysia. Mengikut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berkenaan kes-kes baru berkaitan mak nyah dan isu HIV. Pada tahun 2010 menunjukkan 301 orang dalam kalangan pelaku homoseksual iaitu menyamai 8.2 peratus daripada jumlah keseluruhan meghidap jangkitan HIV. Pada tahun 2019, statistik menunjukkan peningkatan mendadak jumlah jangkitan baru dalam kalangan pelaku homoseksual iaitu berjumlah 310,000 orang berbanding 173,000 lima tahun lepas. (Global AIDS Report, 2020). Hal ini demikian menunjukkan peningkatan yang besar terhadap budaya transeksual.

Setiap tahun semakin ramai yang cuba menegakkan benang yang basah bagi membolehkan golongan ini mendapat hak sama rata dengan individu normal yang ada di Malaysia. (Khairul Anwar, 2015). Selain HIV penyakit-penyakit sosial yang lain termasuklah HPV, hepatitis A dan B, sifilis, klamidia dan gonorea. Pelbagai masalah kesihatan yang lain juga masalah mengakses prosuder pengantian alat kelamin yang boleh membawa risiko tekanan darah rendah dan tinggi, gumpalan darah, dehidrasi dan ketidakseimbangan elektrolit. Kesihatan mental juga adalah salah satu penyakit apabila terlibat dalam masalah transgender ini. Hal ini kerana mereka merasakan tersisih dari orang luar yang menganggap mereka sebagai “sampah masyarakat”. Penyalahgunaan dadah juga boleh berlaku kepada transgender bagi mencari ketenangan untuk menghapuskan kebimbangan, kemurungan dan kekecewaan dalam menghadapi stigma dalam masyarakat. Pengambilan alkohol dan ubat-ubatan yang terlarang juga berisiko untuk mengalami kegagalan buah pinggang, hati, paru-paru, serangan jantung dan angin ahmar. (Laman sesawang len-med.com, 2017).

Khunsa dan Mukhannath Menurut Perspektif Hadith

Dalam isu khunsa, tiada dalil yang khusus yang disebutkan di dalam al-Quran mahupun hadith namun, ada diceritakan perihal mengenai khunsa ketika pemerintahan khalifah Ali Bin Abi Talib. Peristiwa yang menggemparkan masyarakat ketika itu apabila seorang lelaki berkahwin dengan seorang khunsa. Selepas berkahwin, si suami menghadiahkan khunsa itu seorang jariah yakni pembantu. Hasil perkahwinan itu, khunsa itu melahirkan zuriat. Namun, khunsa itu timbul pula berahi kepada jariahnya lalu menyetubuhinya sehingga jariah itu melahirkan anak. Masyarakat amat terkejut dengan kejadian itu dan menyampaikan berita kepada Saidina Ali. Baginda menghantar pakar bagi mengesahkan jantina khunsa itu. Pengesahan itu membuktikan kedua-dua alat kelamin khunsa berkenaan berfungsi. Dia mengalami haid seperti perempuan dan keluar mani dari zakarnya. Hal ini bermakna khunsa ini boleh dijimak suaminya dan dia dapat menjimak jariahnya. Namun, Saidina Ali tidak berputus asa bagi mengenal pasti jantina khunsa itu kerana mahu menyelesaikan masalah yang menimpa pasangan terbabit dan menjadi pengajaran kepada umat Islam. Lalu, baginda menghantar pakar menghitung tulang rusuk khunsa itu. Hal ini amat tepat sesuai kepada ketentuan Allah yang menjadikan Hawa dengan

mengambil satu tulang rusuk sebelah kiri Nabi Adam a.s. Hasilnya, Saidina Ali membuat keputusan khunsa itu adalah lelaki lalu memisahkan perkahwinan dengan suaminya kerana dianggap tidak sah.

Berdasarkan hadith yang ditujukan kepada golongan mukhannath, Berdasarkan kesepakatan ulama lelaki memakai pakaian wanita atau sebaliknya wanita memakai pakaian lelaki hukumnya adalah haram berdasarkan beberapa mafhum hadith dari Ibnu Abbas r.a. yang telah berkata:

Hadith lain dari Abu Hurairah r.a. beliau berkata :

“Rasulullah s.a.w. mengutuk seorang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan wanita yang memakai pakaian lelaki.”

(Riwayat Abu Dawud, al-Nasa’i dan Ibnu Hibban, no. hadis 5885)

Daripada hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud, di dalam Kitab al-Libas, Bab 61, Hadis nombor 5885, daripada Imam at-Thabari dalam Fathul Bari, beliau berkata bahawa adalah menyalahi undang-undang atau haram bagi seorang jantina untuk menyerupai jantina yang berlawanan. Ianya sama ada dari segi pakaian, berjalan atau bercakap. Menurut Imam Al-Shaukani, hadith berkaitan menunjukkan bahawa Islam benar-benar melarang isu transgender. Selain pakaian menutup aurat terdapat juga perhiasan yang khusus untuk wanita termasuk anting-anting, rantai leher manakala untuk lelaki seperti janggut atau misai dan lain-lain lagi. Tujuan kepada pengharaman ini adalah kerana illah kekeliruan atau kekaburan identiti yang sukar membezakan antara lelaki dan wanita dan boleh menimbulkan fitnah.

Selain itu, diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Tabrani, Abdullah Bin Amru’ al-ash r.a. telah melihat Ummu Sa’id binti Abu Jahal berjalan seperti seperti seorang lelaki dengan pedang tersisip di pinggangnya lalu Abdullah berkata : “Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda,”: Maksudnya: Bukan dalam kalangan umatku perempuan meniru lelaki dan lelaki meniru perempuan.

Laknat yang terdapat dalam hadis diatas merupakan celaan yang sangat berat kepada pelaku. Ianya menunjukkan betapa kerasnya larangan Rasulullah terhadap perbuatan tersebut. Dalam Kitab Fath al-Bari, al-Tabari menjelaskan laknat bermakna tidak harus iaitu haram. Manakala, al-Syeikh Abu Muhammad bin Abi Hamzah berkata: Laknat itu menunjukkan bahawa perbuatan tersebut adalah sebahagian daripada dosa-dosa besar.

Hadis yang seterusnya berkaitan perlakuan LGBT adalah daripada Abu Musa al-Ash’ari beliau berkata Nabi pernah bersabda maksudnya:

“Tidaklah seorang wanita itu bersedap-sedapan dengan seorang wanita melainkan mereka adalah berzina, dan tidaklah seorang lelaki bersedap-sedapan dengan seorang lelaki melainkan mereka juga (sedang) berzina.”

Hadis ini membawa pengertian bersedap-sedapan antara lelaki dan perempuan dalam kalangan lesbian dan gay atau homoseksual itu adalah termasuk dalam kategori zina. Kedua-duanya membawa kepada dosa besar.

Hadis yang keempat berkaitan dengan perilaku kaum Nabi Lut iaitu hadis daripada al-Hakim katanya Nabi bersabda maksudnya:

“Jika kamu dapati seseorang melakukan amalan kaum Lut, bunuhlah pelaku dan orang yang dilakukan perlakuan itu.”

Hadis diatas membawa maksud larangan melakukan hubungan seks sesama lelaki atau homoseksual serta hukuman bunuh terhadap kedua-dua pelakunya. Sesungguhnya, perbuatan kaum Nabi Lut ini dihukum dengan sedemikian berat iaitu Allah telah menurunkan azab menghujani batu ke atas kaum Lut sehingga mereka terbunuh semuanya. Sedangkan diperintahkan bunuh orang yang mengajak melakukan perbuatan itu adalah merujuk kepada makna di dalam syariat, iaitu mati disebabkan oleh hukuman rejam dengan batu bagi pelaku yang telah berkahwin. Manakala, pelaku yang belum berkahwin disebat sebanyak 100 kali sebatan, tetapi tidak dibunuh.

Hadis yang kelima maksudnya:

“Allah melaknat sesiapa yang mendatangi binatang, Allah melaknat sesiapa yang melakukan perbuatan kaum Nabi Lut, melakukan perbuatan kaum Nabi Lut.”(Nabi s.a.w menyebutkan tiga kali).

Hadis ini juga menyebut tentang perlakuan kaum Nabi Lut a.s iaitu homoseksual (liwat). Walau bagaimanapun di dalam hadis ini. Nabi SAW menyebut laknat Allah kepada golongan yang melakukan perbuatan kaum Nabi Lut a.s itu dan juga golongan yang melakukan seks dengan binatang.

Daripada Ummu Salamah Nabi bersabda maksudnya:

“Bahawa Nabi s.a.w berada di rumahnya dan terdapat di sebuah rumah seseorang yang berkelakuan wanita. Maka Nabi s.a.w berkata kepada saudara Ummu Salamah iaitu Abdullah bin Abi Umayyah: “Jika Allah membebaskan Ta’if bagi kamu pada esok

hari, maka akan aku tunjukkan pada kamu rumah Binti Ghaylan, yang datang dengan empat dan pergi dengan lapan anggota”. Maka sabda nabi s.a.w. “Jangan sekali-kali mereka itu masuk ke dalam rumah-rumah kamu.”

Maksud hadis diatas mengenai golongan transgender, di mana pada zaman Nabi s.a.w terdapat seorang pondan. Lalu, Nabi s.a.w memberi amaran agar tidak membawa masuk pondan itu ke rumah-rumah orang Islam. Maksud hadis tersebut, Nabi s.a.w melarang umat Islam daripada bergaul dengan golongan ini.

Hal ini jelaslah, golongan-golongan mukhannath ini wujud sejak daripada zaman Rasulullah s.w.t lagi. Mereka tidak segan silu untuk menunjukkan diri mereka sedangkan perkara itu amat ditentang oleh Islam. Jika di Malaysia, masalah pondan dan Mak nyah ini bukan lah satu perkara yang asing lagi. Ada di antara mereka yang sudah menjadi selebriti atau *influencer* terkenal di media sosial.

Pengaruh Golongan Khunsa dan Mukhannath di Media Sosial

Media sosial digunakan sebagai wadah untuk mengutarakan sesuatu pendapat sama ada seseorang itu bersetuju atau tidak berasaskan status yang dimuatnaik. Dalam isu kebebasan bersuara dalam kalangan golongan mukhannath. Masing-masing pengikut di laman sosial menyatakan kerisauan mereka apabila golongan ini diberi hak kesamarataan dengan golongan wanita. Walaubagaimanapun, golongan mukhannath ini tidak berputus asa untuk terus berusaha kerana mereka merasakan kehidupan mereka sentiasa dipulaukan oleh orang lain termasuklah dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan juga layanan. Contohnya kes yang berlaku di negeri Sembilan.

Isunya terjadi apabila tiga orang transgender mendakwa bahawa Undang-Undang Syariah mendiskriminasi hak bersuara, hak bergerak dan hak mereka untuk hidup tanpa diganggu. Apabila berlaku perkara tersebut, Mahkamah Persekutuan membenarkan permohonan kerajaan negeri Sembilan untuk merayu keputusan Mahkamah Rayuan berhubung kes tiga orang lelaki Muslim berpakaian wanita khususnya di tempat awam (Astro Awani, 2015). Perkara ini sangat membimbangkan apabila golongan-golongan mukhannath ini khususnya yang beragama Islam tanpa segan silu berani untuk tampil dengan identiti tersebut di khalayak ramai. Mereka bukan sahaja menjalani kehidupan seperti masyarakat normal yang lain, tetapi mereka semakin popular akibat

daripada kemajuan teknologi yang sangat pesat dan canggih seperti aplikasi *facebook*, *Instagram* dan media sosial yang lain.

Media sosial sangat memainkan peranan penting dalam menyebarkan atau mempromosikan sesuatu gaya hidup seseorang. Filem, drama dan dokumentari yang kerap menyiarkan tentang golongan ini telah menjadikan gaya hidup mereka semakin biasa pada pandangan masyarakat Malaysia. Kemudahan yang mudah diakses tanpa sekatan daripada mana-mana pihak dikhuatiri budaya ini akan menjadi ikutan para remaja untuk cenderung kearah transeksual sebagai jalan hidup mereka. Sebelum zaman kemunculan internet gejala transeksual hanya dapat didengari masyarakat sebagai masalah lelaki lembut dan pondan. Namun, dengan adanya teknologi sekarang golongan ini secara berani memunculkan diri di media sosial tanpa rasa malu terutamanya di platform *You Tube* dan *Instagram*. Golongan transeksual menggunakan kedua-dua platform ini dengan membuat siaran langsung menonjolkan tubuh badan yang cantik sehingga menggalakkan masyarakat khususnya umat Islam yang kurang ilmu agama untuk sama-sama terjebak dengan aktiviti yang tidak bermoral. Seorang *businessman* yang popular di Malaysia iaitu Sajat atau nama sebenarnya Sajat Kamaruzzaman (mStar Online, 2014), telahpun terjebak dengan golongan transgender ini dan mempunyai *follower* yang ramai di Instagram dengan menjual bengkung untuk mendapatkan tubuh badan yang cantik sebagai jalan pemudahcara melariskan barangannya kepada transgender yang lain mahupun orang awam.

Senario kehidupan Mak nyah pada hari ini yang merekrut ahli-ahli baru dalam kalangan belia membina jaringan dan mempengaruhi minda anak muda tentang perjuangan menuntut hak kumpulan Mak nyah. Menurut kajian yang dibuat oleh Kamal Azmi (2015), sebanyak 19 peratus daripada total populasi adalah profil masyarakat Melayu yang mengikuti laman sesawang diatas bagi mendapatkan pengetahuan mereka berkaitan kehidupan LGBT termasuklah berkaitan dengan transgender. Peratusan ini semakin membimbangkan kerana profil yang berstatus Melayu ini adalah beragama Islam.

Selain itu, seorang penerima Anugerah Wanita Berani Antarabangsa 2016, Nisya Ayub. Anugerah ini diberikan oleh kerajaan Amerika Syarikat sebagai bukti pengikhtirafan terhadap mana-mana individu yang tegar memperjuangkan isu golongan seks songsang di serata dunia. Nisya Ayub, sering menjadikan media sebagai gerakan untuk menyebarkan ideologi dan juga fahaman mereka supaya mereka ini benar-benar dapat diterima oleh masyarakat. Beliau juga sering

mengangkat suara komuniti transgender dalam pertubuhan *Justice for Sister* (JFS) serta pengasas bersama bagi pertubuhan SEED Foundation bagi membantu golongan transgender yang disisihkan dan menghentikan penganiayaan terhadap golongan LGBT (Adam, Shuhada, Khader, 2020).

Di Malaysia golongan mukhannath yang paling terpengaruh adalah seperti Nur Sajat, Safiey Ilyas dan Viviana Abdullah. Pengikut mereka di media sosial begitu ramai. Walaupun ramai masyarakat yang mencemuh, tidak kurang juga yang memuji tentang kecantikan dan bentuk badan mereka yang sangat diidamkan oleh setiap wanita. Pelbagai produk yang mereka keluarkan sering mendapat sambutan daripada masyarakat terutamanya wanita. Hal ini fitrah kerana setiap wanita inginkan kecantikan sehingga terpengaruh untuk membeli produk yang mereka keluarkan. Dalam hal ini, perlu diingatkan bahawa setiap barangan yang dibeli ianya sedikit sebanyak membantu mereka untuk terus hanyut dalam dunia mereka dan secara tidak langsung, golongan mukhannath ini akan merasakan kelak masyarakat akan dapat menerima dan memperakui diri mereka sebagai transgender.

Manakala golongan khunsa pula, jarang diperkatakan atau menjadi topik utama dalam perbualan dalam masyarakat terutamanya di media sosial. Hal ini kerana pertamanya mereka merupakan ciptaan Allah yang menunjukkan segala yang berlaku adalah bukti kekuasaan Allah. Antara kes yang tular di media sosial berkaitan khunsa adalah kes Hafizal Hussain. Perkara ini diketahui apabila kad pengenalan milik beliau telah dimuatnaik di media sosial oleh individu yang tidak bertanggungjawab. Selain Hafizal, Caster Semanya juga seorang khunsa. Beliau merupakan juara dunia olahraga di Berlin pada tahun 2009. Hal ini dibuktikan dalam keratan akhbar Daily Telegraph apabila didedahkan beliau mempunyai organ seks lelaki dan wanita tanpa mempunyai rahim dan ovari. (Kosmo Online, 2009).

Kesimpulan

Konklusinya, khunsa dan mukhannath adalah satu bentuk kejadian yang berbeza. Walaupun isu golongan khunsa ini merupakan isu yang terpencil. Namun, Islam sebagai agama yang syumul tidak pernah meninggalkan perbincangan mengenainya. Agama Islam tidak pernah mendiskriminasikan golongan ini. Malah Islam menggalakkan agar melayan mereka dengan cara yang baik. Namun berbeza dengan rencah kehidupan golongan mukhannath. Walaupun tidak semua diantara golongan ini terlibat dengan aktiviti

yang tidak bermoral tetapi Islam sangat memandang serius isu ini kerana ia melibatkan hukum dan syariat Islam dan perlu diberi perhatian oleh semua pihak. Perkara yang lebih membimbangkan ialah dari segi peningkatan jumlah individu yang terlibat dalam gejala ini. Dikatakan semakin bertambah dan lebih mendukacitakan kebanyakan mereka terdiri daripada lelaki Melayu Islam. Semua pihak perlu mengikis budaya sikap “jangan jaga tepi kain orang” atau “mind your own business” untuk membuat sebarang tindakan dan menunding jari antara satu sama lain apabila fenomena ini tidak lagi terkawal. Seharusnya masyarakat hari ini perlu bersikap terbuka, dan tidak berterusan memandang rendah kepada golongan Mak nyah kerana mereka manusia biasa yang memerlukan bimbingan untuk kembali ke pangkal jalan. Hinaan dan cacian yang dilemparkan hanya akan memburukkan lagi keadaan tanpa ada penyelesaian.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

Astro Awani. (2015). “Isu mak nyah: Kerajaan negeri Sembilan dibenar merayu keputusan”. www.astridawani.com/berita-malaysia-isu-mak-nyah-kerajaan-negeri-sembilan-dibenar-merayu-keputusan-

Ghazali Darusalam. Sufean Hussin. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan amalan dan analisis kajian*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Javad Tizmaghz. (2014). Glosari identiti gender, human rights watch. <https://www.hrw.org/ms/report/2014/09/24/307635#page>.

Kamal Azmi Abd. Rahman. Mastura Md. Nizam. Ain Balqis Mohd Azam. (2015). Profil masyarakat melayu Malaysia di media sosial yang mempromosikan LGBT. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Kosmo Online. (2009, September 12). Caster Semenya: Juara dunia 800 meter disahkan khunsa. kosmoonline.com/2009/09/12/caster-semenya-juara-dunia-800-meter-disahkan-khunsa/.

Luqman Arif Abdul Karim. (2016). “Kerajaan nak selamatkan mak nyah”. My metro.

<http://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/07/360772/kerajaan-nak-selamatkan-mak-nyah>.

Marziana Abd. Malib. Mimi Sofiah Ahmad Mustafa. (2014). *Gejala transeksual: Implikasi yang membimbangkan bagaimana keprihatinan kita?*. Penerbitan Universiti Malaysia Terengganu. Universiti Teknologi Mara Melaka. 49.

Mohamad Hafifi Hassim. Mohd Farok Mad Nor. (2018). Mukhannath dan khunsa: Kedudukan mereka dalam ruang lingkup undang-undang di Malaysia, Fakulti Syariah Dan Undang-Undang Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (MFIFC 2018).

Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. Diani Mardina Mat Zin. (2006). *Transeksual menurut perspektif Islam dan Sains*, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. 68.

Mohd Khairul Anwar Ismail. (2015). *Suami gay isteri mak nyah nafsu songsang terlaknat*. Publication PTS. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Muhammad Adam Abd. Azid. Nur Shuhada Mohd Subri & Khader Ahmad. (2020). Mak nyah dan perkembangannya di Malaysia. *Jurnal RABBANICA*. Vol no.1. e-ISSN:2756-7893. 1-16.

Suriati Ghazali. M.Nor Jabi. Mapjabil. (1985). Suatu analisis mengenai peranan media dalam penyebaran gaya hidup transeksual di Malaysia. *Jurnal perspektif* jil.5. Bil.1. (66-82) ISSN 1985-496X.

Wan Azmi Ramli. (1991). *Dilema mak nyah: Suatu ilusi*. Utusan Punlication&Distributors. 35.

Wan Noor Hayati Wan Alias. (2015). “Malaysia tiada data lengkap khunsa”. BH Online. <http://www.bharian.com.my/node/39371>.

Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2010). *Sistem kekeluargaan Islam: Panduan lengkap ke arah pembentukan keluarga bahagia*. Bangi. Darul Syakir Interprise.